| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | DBKL tebang pokok halang lalu lintas | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 26 Mar 2013 | Color | Full Color |
| Section | Letters | Circulation | 192,982 |
| Page No | 32 | Readership | 1,521,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 390 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 13,204 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 39,611 |



# DBKL tebang pokok halang lalu lintas

**?** Banyak pokok lama dilihat mengganggu dan menghalang laluan pejalan kaki seperti di sekitar Jalan Melaka. Apakah tindakan pihak berkuasa untuk mengatasi masalah ini.

**Zamani Karim**
Ampang, Kuala Lumpur

**!** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menebang pokok yang rosak antara Jalan Melaka dan Bukit Nanas kerana didapati menghalang laluan pejalan kaki. Kerjasama turut dilakukan dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan syarikat perunding landskap, Landskap Integrasi.

Menerusi kerjasama itu, didapati terdapat 15 batang pokok di laluan yang diberi nama 'Jejak Warisan 2' itu akan ditebang. Antara pokok akan ditebang atau diganti ialah jenis *rain trees* (Hujan-hujan), Angsana dan Bongor. Pokok yang tidak sihat juga akan diganti dengan pokok berlainan spesies yang lebih baik.

Selain itu, penstrukturan semula susunan pokok dan keluasan tapak pokok turut dilakukan bagi memastikan ia lebih tersusun, tidak merosakkan infrastruktur serta memudahkan laluan orang kurang upaya (OKU).

**Datuk Seri Ahmad Phesal Talib**
Datuk Bandar Kuala Lumpur

**SUARA KOMUNITI**

Suara Komuniti mengetengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Sila hantarkan aduan anda ke Suara Komuniti BH, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur atau e-mel ke **suarakomuniti@bharian.com.my**.



"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan **menebang pokok yang rosak antara Jalan Melaka dan Bukit Nanas** kerana didapati menghalang laluan pejalan kaki"

Powered by: MediaBanc Be informed

| Headline | DBKL tebang pokok halang lalu lintas | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 26 Mar 2013 | Color | Full Color |
| Section | Letters | Circulation | 192,982 |
| Page No | 32 | Readership | 1,521,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 390 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 13,204 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 39,611 |



*Kakitangan* ***DBKL mencantas ranting pokok*** *yang boleh membahayakan pengguna jalan raya.*

[ GAMBAR HIASAN ]

Powered by: MediaBanc
Be informed